

Kelompok unggul

■ Empat universiti penyelidikan melonjak ke kedudukan lebih baik dalam ranking dunia

Serdang

Empat universiti awam Malaysia berstatus universiti penyelidikan yang berusia di bawah 50 tahun kini tersenarai dalam kelompok 23 universiti terbaik dunia.

Berdasarkan senarai ranking dunia bagi tahun 2017/2018 terbitan Quacquarelli Symonds (QS) semalam, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya melonjak ke kedudukan ke-15 daripada tempat

ke-38 pada 2016.

Selain itu, ranking Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga melonjak daripada posisi ke-32 kepada kedudukan ke-16, diikuti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM), masing-masing di kedudukan ke-21 dan ke-23 daripada kedudukan 30 dan 26 sebelum ini.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, bagi universiti berusia di bawah 50 tahun, penca-

paian atau kedudukan terkini itu membuktikan usaha kementerian dan universiti dalam merangsang budaya penyelidikan mula membuah hasil.

“Untuk UPM, peningkatan 23 anak tangga itu tentunya menggembirakan pihak universiti, tidak terkecuali kementerian,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Transformasi Kepimpinan Sukan anjuran Akademi Sukan UPM dan Sports Warrior Global (SWG) di Dewan Ser-

PM terima kunjungan Truong Hoa Binh



FOTO: BERNAMA

PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Razak bersama Truong Hoa Binh ketika menerima kunjungan Timbalan Perdana Menteri Tetap Vietnam itu di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra, semalam. Truong tiba Selasa lalu bagi lawatan rasmi tiga hari di Malaysia. Ini adalah lawatan rasmi pertama Truong sejak beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Tetap pada 9 April tahun lalu.

baguna Pusat Sukan UPM di sini, semalam.

QS merupakan agensi penarafan universiti pertama dunia yang diiktiraf oleh The International Ranking Expert

Group dan menjadi rujukan pihak berkepentingan seluruh dunia.

Hadir sama pada majlis semalam Naib Canselor UPM Prof Datin Dr Aini Ide-

ris, ratu skuasy negara Datuk Nicol David dan Pengarah Sports Warrior Global, Sharon Wee yang juga bekas pemain skuasy kebangsaan. — BERNAMA